

Dr. M, Musharraf bincang hubungan kerjasama dua hala

ISLAMABAD 17 Okt. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad akan mengadakan perbincangan dengan Presiden Pakistan, Pervez Musharraf yang merupakan acara kemuncak kepada lawatan dua hari beliau ke Pakistan yang bermula esok.

Menteri Luar, Datuk Syed Hamid Albar berkata, perbincangan tersebut akan berkisar kepada hubungan dua hala dan isu-isu semasa seperti kempen memerangi keganasan, isu Palestin dan isu tindakan unilateral Amerika Syarikat (AS) serta sekutunya ke atas Iraq.

“Kedua-dua pemimpin bebas untuk membincangkan apa sahaja kerana tiada agenda khusus yang ditetapkan,” katanya yang dihubungi ketika dalam perjalanan ke Islamabad hari ini.

Lawatan kerja itu sebagai membalas lawatan Musharraf pada tahun lalu. Beliau akan diiringi oleh isteri Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali, Syed Hamid serta beberapa pegawai kanan kerajaan.

Menurut Syed Hamid, lawatan itu juga menarik perhatian kerana Pakistan baru selesai mengadakan pilihan raya minggu lalu dan membolehkan delegasi Malaysia mendapatkan gambaran lebih jelas perkembangan terbaru politik negara itu. —
Utusan